

07/01/2001

Peletakan jawatan timbulkan reaksi berbeza

KUALA LUMPUR; Keputusan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman meletak jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menimbulkan reaksi berbeza di kalangan pemimpin politik dan orang ramai.

Ada yang terkejut dan tidak kurang yang menyifatkan perkara itu sebagai keputusan peribadi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Abdul Hamid meletakkan jawatan atas pilihan sendiri kerana ingin memberi tumpuan kepada hal yang berkaitan dengan agama Islam dan masyarakat Melayu Islam.

Sebelum mengambil keputusan meletak jawatan, Abdul Hamid sudah berbincang dengan pucuk pimpinan kerajaan serta parti, oleh itu tindakan beliau sepatutnya dihormati semua pihak.

Bagaimanapun, beliau yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata Abdul Hamid cuma meletakkan jawatan Kabinet saja dan bukan jawatan Senator serta Ahli Majlis Tertinggi Umno.

"Tindakan ini sekali gus membolehkan Abdul Hamid terus membantu memberi pandangan serta masih berperanan mengukuhkan parti," katanya ketika ditemui ketika menghadiri majlis Aidilfitri anjuran Badan Perhubungan Umno Melaka di Seri Bendahara, Melaka semalam.

Menurut Abdullah, beliau difahamkan Abdul Hamid bercadang mahu menjadi pendakwah, sekali gus membolehkan beliau memberi tumpuan yang lebih kepada pelbagai perkara membabitkan agama Islam serta masyarakat Melayu Islam.

Katanya, tanggungjawab yang akan dipikul oleh Abdul Hamid itu adalah penting bagi menjelaskan kekeliruan yang ditimbulkan oleh sesetengah pihak berhubung dengan tuntutan fardu Ain dan fardu kifayah.

Beliau menjelaskan, adalah sukar bagi Abdul Hamid melaksanakan tugas berat itu serentak jika beliau masih terikat dengan tugas sebagai menteri Kabinet.

Abdullah menambah, pembangunan negara adalah penting tetapi ada pihak tertentu sengaja mengelirukan masyarakat dengan mengatakan orang Melayu cukup sekadar mempelajari agama Islam saja dan tidak perlu mempelajari bidang lain.

"Pandangan yang disebar ini, begitu merugikan umat Islam dan saya berharap cita-cita Abdul Hamid membanteras pendapat ini, akan tercapai," katanya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, pula berkata, peletakan jawatan Abdul Hamid kelmarin adalah satu kejutan kerana beliau tidak mendengar sebarang berita sebelum ini.

Dr Mahathir mungkin mempunyai sesuatu tugas khas lain yang penting untuk diberikan kepada Abdul Hamid, kata beliau ketika ditemui di Istana Budaya, semalam.

"Kadangkala, seseorang itu tak boleh jalankan tugas berkesan kalau jadi Menteri dan pada masa yang sama mempunyai tanggungjawab lain. Mungkin selepas berhenti, Perdana Menteri guna tenaga dan kebolehan beliau untuk menguatkan parti," katanya.

(END)